

25/05/2003

Dr Ling tidak akan pertahan kerusi Parlimen Labis

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak akan mempertahankan kerusi Parlimen Labis yang disandangnya sejak Ogos 1986 dan tidak bertanding dalam pemilihan parti itu pada 2005.

Dr Ling yang baru meletak jawatannya kelmarin bagaimanapun berkata, beliau akan turun padang ke kawasan parlimennya lebih kerap untuk berjumpa dan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

"Sekarang saya sudah letak jawatan sebagai Presiden MCA, saya ada sedikit masa untuk balik ke Labis.

"Rakyat di sana tahu saya sibuk selama ini dan kini saya akan balik ke kawasan lebih kerap untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dan bantu rakan Barisan Nasional (BN) di sana," katanya pada sidang media bagi menjelaskan peletakan jawatan sebagai Presiden MCA di ibu pejabat parti itu di sini, semalam.

Kelmarin, Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dilantik sebagai presiden parti ketujuh manakala Datuk Chan Kong Choy sebagai timbalannya apabila Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu gagal memujuk Dr Ling serta Datuk Seri Lim Ah Lek supaya menarik balik peletakan jawatan masing-masing.

Peralihan kuasa itu diharap dapat menamatkan krisis dalaman MCA yang berlaku sejak tiga tahun lalu.

Mengenai jawatannya dalam Kabinet, Menteri Pengangkutan itu berkata: "Saya sudah meninggalkan segala-galanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan masanya kerana ini adalah kerajaannya."

Beliau berkata, semua pihak terkejut dengan peletakan jawatannya secara tiba-tiba kerana proses perbincangan peralihan kuasa itu berlaku secara rahsia.

"Jika kami mendedahkan setiap proses perbincangan, ia akan memberi peluang kepada pihak lain untuk merosakkannya. Jadi cara terbaik ialah melakukan secara rahsia," katanya.

Dr Ling berkata, beliau melepaskan jawatan yang disandang selama 17 tahun itu dengan senang hati dan tanpa sebarang kekesalan apabila peralihan kuasa berjalan lancar di samping peningkatan prestasi parti yang membanggakan.

Katanya, tidak kira pahit atau manis, beliau menikmati setiap saat yang dilalui ketika memegang jawatan nombor satu parti itu sambil menyifatkannya sebagai pengalaman 'baik'.

Mengenai rancangan masa depannya, Dr Ling berkata: "Saya belum fikirkan

apa nak dibuat pada masa depan. Tetapi jelas sekali saya mempunyai peluang untuk membina kerjaya ketiga.

"Saya memulakan kerjaya sebagai doktor, ahli politik (kerjaya kedua) dan kini saya berpeluang membina kerjaya ketiga."

Ditanya sama ada masalah dalaman MCA akan selesai selepas peralihan kuasa itu, beliau percaya krisis parti itu dapat diselesaikan dengan adanya kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin muda.

Mengenai tiga ahli CC yang akan menurut jejaknya meletak jawatan, beliau berkata: "Itu adalah perkara biasa dan formaliti. Apabila saya melantik anda, jika saya pergi anda juga pergi."

Bagaimanapun, Presiden MCA yang baru, Ong berkata, beliau akan mengekalkan semua ahli CC termasuk tiga ahli CC itu melalui pelantikan semula.

Ditanya sama ada beliau akan mencadangkan sedikit perubahan dalam Kabinet kepada Perdana Menteri, beliau berkata: "Tiada komen."